

## **PENGGUNAAN PERUNTUKAN ZAKAT BAGI TUJUAN PEMBINAAN DAN PENYELENGGARAAN MASJID DI BAWAH KATEGORI ASNAF “FI SABILILLAH”**

Hairin Herlina, Farhan Akhnan, Nurul Balqis  
Penyelidikan & Perundingan Syariah  
Bank Rakyat

No 33, Jalan Rakyat, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, 50470, Kl Sentral  
nurul.balqis@bankrakyat.com.my

### **ABSTRAK**

Masjid adalah institusi penyatuan umat Islam yang merupakan mihrab dan pusat ibadah yang tidak hanya tertumpu kepada aktiviti solat berjemaah sahaja, tetapi masjid juga merupakan pusat pentarbitan, penyebaran dakwah dan amat sinonim dengan pusat pengumpulan derma, sedekah, zakat dan wakaf daripada ahli kariah dan sesiapa sahaja yang mengunjungi masjid tersebut. Kewujudan sumber dana berterusan yang diterima oleh pihak masjid yang diberi kebenaran khas untuk membuat kutipan oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri membuktikan bahawa sistem pengurusan dana masjid hakikatnya adalah tersusun dengan pantauan pihak berkuasa negeri. Agihan dana Zakat perlu diberi *aulawiyat/keutamaan* kepada *asnaf-asnaf* mengikut kedudukannya di sisi *syarak* selaras dengan *Maqasid Syariah* dan hikmah pensyariaan zakat kepada seluruh umat Islam. Fokus kajian ini adalah tertumpu kepada takrifan *asnaf “Fi Sabilillah”* bagi memastikan objektif dan prinsip agihan Zakat sebagaimana yang ditetapkan oleh *syarak* adalah dipatuhi sewajarnya berdasarkan *Maqasid Syariah* yang digariskan oleh para *fuqaha’* terdahulu. Selain itu, kajian ini juga menilai persamaan dan perselisihan pandangan ulama berkaitan takrifan *asnaf “Fi Sabilillah”* dalam konteks pengagihan Zakat serta menganalisa kesesuaian sumber dana bagi tujuan pembinaan, membaikpulih dan penyelenggaraan masjid melalui pilihan instrumen lain seperti wakaf dan sedekah.

**Kata kunci: Zakat, *Fi Sabilillah*, Masjid**

### **ABSTRACT**

The mosque is a Muslims’ unity institutions which is a mihrab and worship center that not only focuses on congregational prayers, but act as a center of preaching, propagation of da’wah and is synonymous with a collection center of charity, alms, zakat and waqf from the community and anyone who visited the mosque. The continuous funding sources received by the mosque was specially permitted to be collected by the State Islamic Religious Council proves that the mosque fund management system is essentially systematic under the supervision of the state authorities. The distribution of Zakat funds should be given *aulawiyat / priority* to the zakat beneficiaries ( *asnaf*) in accordance with Shariah requirements as well as in line with the *Maqasid Syariah* and the wisdom of zakat prescription to all Muslims. The focus of this study is on the definition of *asnaf “Fi Sabilillah”* to ensure the objectives and principles of Zakat distribution as prescribed by *syarak* are in accordance to the *Maqasid Syariah* outlined by the '*fuqaha*'. In addition, this study also examines the similarities and disputes of the scholar’s view of the definition of *asnaf “Fi Sabilillah”* in the context of

distribution of Zakat and analyzes the suitability of funds for the purpose of building, repairing and maintaining mosques through other instruments such as waqf and alms.

**Keywords: Zakah, Fi Sabilillah, Mosque**

## DEFINISI ZAKAT

Zakat merupakan ibadah kehartaan yang dilakukan untuk kemaslahatan ummah kerana ia merupakan sebahagian daripada sistem kewangan, sosial dan ekonomi Islam. Ibadah zakat juga tersirat padanya falsafah yang begitu tinggi nilainya dari sudut hubungan secara vertikal antara hamba dengan Allah swt dan secara horizontal yang mampu memberi impak yang besar kepada masyarakat dan ummah. Allah SWT berfirman dalam surah *At-Taubah* ayat 103:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

*“Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan mendoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”* (9: 103)

Perkataan Zakat dilihat dari sudut etimologi merupakan kata akar / *masdar* yang diambil daripada perkataan arab “*zaka*” yang bermaksud berkat, tumbuh, bersih dan baik (Mustaffa, 2011). Berkat dikaitkan dengan keberkatan harta seseorang yang telah mengeluarkan zakat. Suci pula merujuk kepada kebersihan hati pemilik harta daripada sifat tamak, kedekut bakhil dan syirik.

Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi menyatakan bahawa makna Zakat dari sudut bahasa ialah bertambah dan tumbuh manakala dari segi istilah fiqh merupakan sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah swt untuk diserahkan kepada orang-orang yang berhak (Al-Qaradhawi, 2007). Zakat mula difardukan pada tahun kedua hijrah Rasulullah s.a.w. ke Madinah sebelum kefardhuan puasa di bulan Ramdhan (Al-khin, M., Al-Bugho, M. & Asy-Syahaji A., 2008). Pembentukan kerajaan di Madinah memerlukan sumber kewangan untuk mentadbir negara dan antara sumber kewangan ketika itu ialah melalui kutipan Zakat daripada masyarakat Islam untuk diagihkan kepada golongan yang tidak berkemampuan. Sirah nabawiyah juga telah menukilkan bahawa terdapat sesetengah golongan yang sanggup mencela Rasulullah s.a.w. sekiranya baginda tidak mengagihkan zakat kepada mereka seperti mana firman Allah s.w.t dalam surah *At-Taubah* ayat 58-59 :

وَمِنْهُمْ مَّن يَلْمِزُكَ فِي الصَّدَقَاتِ فَإِنْ أُعْطُوا مِنْهَا رَضُوا وَإِنْ لَمْ يُعْطُوا مِنْهَا إِذَا هُمْ يَسْتَخْطُونَ (٥٨) وَلَوْ أَنَّهُمْ رَضُوا مَا آتَاهُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ سَيُؤْتِينَا اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ وَرَسُولُهُ إِنَّا إِلَى اللَّهِ رَاغِبُونَ (٥٩)

*“Dan di antara mereka ada yang mencelamu (Wahai Muhammad) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat); oleh itu jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (menurut kehendak mereka), mereka suka (dan memandangnya adil); dan jika mereka tidak diberikan dari zakat itu (menurut kehendaknya), (maka) dengan serta merta mereka marah. Dan (amatlah baiknya) kalau mereka berpuas hati dengan apa yang diberikan oleh Allah dan RasulNya kepada mereka, sambil mereka berkata: "Cukuplah Allah bagi kami; Allah akan memberi kepada kami dari limpah kurniaNya, demikian juga RasulNya; Sesungguhnya kami sentiasa berharap kepada Allah.”*

## ASNAF ZAKAT

Golongan yang mencela Rasulullah s.a.w dengan pelbagai tohmahan digambarkan oleh Allah s.w.t melalui ayat di dalam *Surah At-Taubah* di atas dan celaan mereka tersebut dijawab oleh Allah dengan turunnya ayat al-Quran yang menerangkan secara jelas mengenai golongan yang berhak ke atas zakat. Agihan zakat kepada asnaf telah disebut secara nassi (نصي) dan spesifik di dalam *Surah At-Taubah* ayat 60 :

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

“*Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir yang putus bekal dalam perjalanan, (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha mengetahui, lagi Maha bijaksana*”.

Ayat di atas menjelaskan kedudukan asnaf zakat yang terdiri daripada lapan golongan yang berhak menerima zakat iaitu Fakir, Miskin, `Amil, Muallaf, Al-Riqab, Al-Gharimin, Fi Sabilillah dan Ibn Sabil. Pentafsiran Asnaf dalam kategori *Fi Sabilillah* telah menarik perhatian sebahagian besar fuqaha' dan mufassirin yang mendefinisikan *Fi Sabilillah* melalui perspektif yang berbeza. Menyedari bahawa zakat merupakan antara instrumen penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam, kajian ini akan menilai pemikiran dan pandangan fuqaha' berkaitan agihan zakat kepada *asnaf Fi Sabilillah* yang telah sekian lama menjadi polemik perbahasan di kalangan ulama dan ilmuan Islam termasuk di Malaysia dengan memberi fokus kepada penggunaan peruntukan Zakat bagi tujuan pembinaan dan penyelenggaraan masjid di bawah kategori *asnaf Fi Sabilillah*. Kajian ini adalah fokus untuk menilai samada agihan zakat yang dilaksanakan untuk tujuan pembangunan masjid / surau adalah termasuk dalam kategori *Fi Sabilillah* seperti mana tafsiran para fuqaha' atau pun sebaliknya.

## KEPENTINGAN AGIHAN ZAKAT BERDASARKAN MAQASID SYARIAH

Kepentingan dan objektif agihan zakat kepada asnaf yang telah digariskan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji adalah seperti berikut (Hj. Mohd Salleh, S., 2007):

- a) Menjadikan zakat sebagai asas pembangunan ummah dan negara.
- b) Menunaikan hak dan tanggungjawab kepada asnaf seperti mana yang telah ditetapkan oleh syarak
- c) Meningkatkan taraf hidup golongan asnaf dalam semua bidang kehidupan merangkumi aspek-aspek rohani, aqli dan jasmani
- d) Membantu melaksanakan usaha-usaha memantapkan dan meninggikan penghayatan agama Islam
- e) Mempertahankan dan meningkatkan martabat ummah

Pengagihan zakat kepada asnaf perlu dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab selaras dengan prinsip-prinsip agihan zakat bagi memastikan pelaksanaannya adalah mematuhi ketetapan Syariah. Antara prinsip-prinsip agihan zakat ialah Amanah (الأمانة), Telus (الصادق), Menyeluruh (الاستيعاب), Wajar (التسوية), Had Kifayah (حد الكفاية), Khusus (الخصوصية), Berasingan (الاستقلال), Berhemah (الاقتصاد), Pengawasan (الرقابة), Pertanggungjawaban (المسئولية),

Maklumat Lengkap (الاحصاء), Pencalonan (الترشيح), Segera (الفور), Hak (الحق) dan Keutamaan (الأولية) (Hj. Mohd Salleh, S., 2007). Pengagihan Zakat kepada *asnaf Fi Sabilillah* juga perlu dilaksanakan selaras dengan konsep *Maqasid Syariah* yang menjadi hala tuju dalam pensyariatian sesuatu ibadah yang disandarkan kepada Allah s.w.t. Penggunaan kaedah *Maqasid Syariah* merupakan unsur penting bagi *ijtihad* yang dilaksanakan dalam mengaplikasikan hukum Syarak sesuai dengan peredaran zaman selari dengan objektif syarak melalui sumber perundangan al-Quran dan al-Sunnah. *Maqasid Syariah* adalah menepati perubahan semasa, setempat, `Urf dan *maslahah*. Ini bertepatan dengan kaedah *fiqh* (Al-Jauziyyah, I., & `Abd `Aziz, M., 1977):

لا ينكر تغيير الأحكام بتغير الأزمان والأمكن

“Tidak diingkari perubahan hukum dengan perubahan zaman dan tempat”.

Pelaksanaan sesuatu perkara melalui pertimbangan *Maqasid Syariah* akan menghasilkan *maslahah* dan mencegah kemudaratan kepada umat Islam. Al-Syatibi (Al-Shatibi, & Ishak, A., 2005) membahagikan masalah yang perlu dicapai oleh Syariah melalui tiga kategori iaitu *Daruriyyah (necessity)*, *Hajiyyah (Complimentary)* dan *Tahsiniyyah (embellishment)*. Ketiga-tiga peringkat *maslahah* ini sifatnya berbeza dan *maslahah* yang bersifat *Dharuriyyah* perlu diutamakan berbanding *Hajiyyah (Complimentary)* dan *Tahsiniyyah (embellishment)*. *Maslahah* yang bersifat *Tahsiniyyah* hanya boleh dilaksanakan setelah keperluan *Daruriyyah* dan *Hajiyyah* disempurnakan selaras dengan kaedah *fiqh* berikut :

الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف

”Untuk menghalangi kemudaratan yang lebih besar maka dibolehkan melakukan kemudaratan yang lebih kecil. (Al-Zarqa’, & Ahmad, M., 1989)”

Justeru, pengagihan Zakat kepada *asnaf Fi Sabilillah* perlu dilaksanakan dengan mematuhi kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Syariah bagi memastikan *Maqasid Syariah* yang ditetapkan melalui pensyariatian ibadah zakat akan tercapai.

## PANDANGAN ULAMA KLASIKAL BERKENAAN MAKSUD *FI SABILILLAH*

Majoriti ulama klasikal yang terdiri daripada fuqaha Mazhab Hanafi, Maliki, Hanbali dan Syafi`i berpandangan bahawa maksud “*Fi Sabilillah*” di dalam *Surah At-Taubah* ayat 60 adalah merujuk kepada tentera yang berperang, kos pembelian baju perang, senjata dan lain-lain alatan kelengkapan perang, tentera yang terputus bekalan makanan dan juga mujahid yang berjuang secara sukarela tanpa mendapat gaji daripada pemerintah. Imam Hanbali tidak menghuraikan secara khusus berkenaan makna “*Fi Sabilillah*” tetapi beliau menyatakan pandangan secara jelas bahawa agihan zakat untuk tujuan *maslahah* umum seperti membina masjid, pintu gerbang, jalan raya, meluaskan jalan yang sempit adalah tidak dibenarkan. Pandangan ini menyamai pandangan oleh Mazhab Hanafi dan Maliki yang menyatakan bahawa zakat itu perlu kepada pemilikan yang khusus dan tidak dibenarkan untuk diberikan bagi tujuan umum seperti pembinaan masjid, perparitan dan seumpamanya. Ulama’ kontemporari yang menyokong pandangan ulama klasikal ini adalah di antaranya Dr. Wahbah Zuhaili dan Shaikh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz. Kedua-dua ulama’ ini bersetuju bahawa zakat hanya dibenarkan untuk diagihkan kepada lapan golongan *asnaf* yang dinyatakan di dalam al-quran dan makna “*Fi Sabilillah*” hanya terhad kepada ruang lingkup jihad semata-mata. Huraian pandangan ulama’ di atas dinyatakan secara terperinci seperti di bawah ;

### **Mazhab Hanafi**

Abu Yusuf daripada mazhab Hanafi, berpendapat maksud *Fi Sabilillah* itu adalah tentera yang terputus bekalannya yang tidak sanggup menyertai tentera Islam kerana kefakiran mereka disebabkan kekurangan bekalan atau ketiadaan haiwan tunggangan atau lain-lain yang berkaitan dengannya. Dihalalkan kepada mereka zakat walaupun mereka mampu berusaha. Menurut Imam Muhammad Bin Hasan al-Shaybani yang dimaksudkan dengan *Fi Sabilillah* ialah jemaah haji yang kehabisan bekalannya. Berdasarkan satu riwayat, bahawa seseorang telah menjadikan unta miliknya untuk keperluan *Fi Sabilillah*, kemudian Rasulullah s.a.w memerintahkan agar unta tersebut digunakan untuk membawa jemaah haji kerana itu termasuk dalam maksud *Fi Sabilillah*. Ia merupakan ibadah yang dilaksanakan berdasarkan perintah Allah dan lambang ketaatan kepadaNya (Al-Qaradawi, Y., 2007). Kesemua zakat itu harus mempunyai pemilikan yang khusus, ia tidak dibenarkan untuk pembinaan masjid, membina pintu gerbang, perparitan, membaik pulih jalan dan mendalamkan sungai (Abidin,I., 2003).

### **Mazhab Maliki**

Imam Malik berkata di dalam *Mudawwanah* “tidak diperuntukkan untuk membahagikan zakat bagi tujuan mengkafankan mayat kerana ia adalah sadaqah (zakat), sesungguhnya ia adalah untuk orang fakir, miskin dan golongan yang disebutkan oleh Allah dan bukannya untuk urusan kematian dan untuk membina masjid.” (Anas, M., 1994). Qadhi Ibnu Arabi dalam Ahkam al-Quran ketika mentafsirkan *Fi Sabilillah* daripada pendapat Imam Malik menyatakan bahawa *Fi Sabilillah* mempunyai makna yang pelbagai. Beliau berpandangan bahawa maksud *Fi Sabilillah* bermaksud tentera yang berperang (Al-Thahawi., 2003). *Dardir (Matan Khalil)* menyatakan bahawa bahagian zakat perlu diberi kepada tentera yang berperang, pengawal perbatasan serta keperluan kelengkapan seperti senjata dan kuda. Tentera boleh menerima zakat walaupun kaya berdasarkan penyertaan dalam jihad dan bukan kerana kefakirannya. Imam Khalil berpandangan tidak dibenarkan mengambil zakat untuk mendirikan benteng di sekeliling negeri dan tidak dibenarkan untuk membeli kenderaan keperluan perang (Shaghir,S. & Shawi,H., 2011).

### **Mazhab Hanbali**

Ibnu Qudamah dalam kitab *al-Mughni* menyatakan bahawasanya tidak dibenarkan mengagihkan zakat kepada asnaf selain yang dinyatakan oleh Allah seperti membina masjid, pintu gerbang, perparitan, membaik pulih jalan, loji air, pengebumian jenazah, meluaskan yang sempit dan seperti dengannya itu adalah bahagian atau jenis yang tidak disebutkan oleh Allah swt (Ibn Qudamah, 1997).

### **Mazhab Syafi'i**

Imam Nawawi berpendapat bahawa maksud *Fi Sabilillah* ialah sukarelawan yang tidak menerima gaji tetap daripada pemerintah. Ia berkata dalam mazhab kami (Syafi'i) bahagian *sabilillah* dalam ayat tersebut diperuntukkan bagi mujahid yang tidak mendapat gaji dari negara mereka berperang sebagai sukarelawan. Ini juga pendapat Abu Hanifah dan Malik (Al-Nawawi, 2008). Ibnu Hajar al-Haisami berkata bahawa *Fi Sabilillah* itu bermaksud jalan yang menyampaikan seseorang kepada redha Allah SWT dan ia sering digunakan bagi maksud jihad (perang di jalan Allah) kerana ia merupakan sebab yang jelas yang akan menyampaikan seseorang itu kepada Allah. Golongan ini berjuang bukan kerana mengharapkan ganjaran

daripada kerajaan tetapi mencari keredhaan Allah. Mereka boleh diberikan zakat yang dapat membantunya dalam peperangan walaupun mereka itu kaya (Ibn Ali, S., 1983).

## PANDANGAN ULAMA KONTEMPORARI

### Wahbah Az-Zuhaili

Jumhur ulama' bersepakat bahawa zakat tidak dibenarkan untuk diagihkan kepada selain yang disebutkan oleh Allah SWT secara spesifik di dalam Al-Quran. Penggunaan zakat bagi tujuan pembangunan masjid, jambatan, perparitan, saluran air, membaiki jalan, mengkafan mayat dan menyelesaikan hutang adalah tidak dibenarkan. Perkataan “innama” (إنَّمَا) dalam *Surah at-Taubah* ayat 60 berfungsi untuk melimitkan dan menafikan yang selainnya. Justeru pengagihan zakat kepada tujuan ibadah-ibadah yang tidak disebutkan di dalam ayat tersebut adalah tidak dibenarkan (Az-Zuhaili, W., 2011).

### Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz (Ibn Baz)-Bekas Mufti Arab Saudi

Shaikh Ibnu Baz merupakan ulama Mazhab Hanbali mempunyai pandangan yang sama dengan pandangan jumhur ulama yang tidak membenarkan zakat untuk disalurkan bagi tujuan pembangunan masjid atau untuk pembelian kitab dan yang seumpama dengannya. Pandangan beliau dinyatakan melalui fatwa berikut :

المعروف عند العلماء كافة ، وهو رأي الجمهور والأكثرين ، وهو كالإجماع من علماء السلف الصالح الأولين أن الزكاة لا تصرف في عمارة المساجد وشراء الكتب ونحو ذلك ، وإنما تصرف في الأصناف الثمانية الذين ورد ذكرهم في الآية في سورة التوبة وهم : الفقراء ، والمساكين ، والعاملون عليها ، والمؤلفة قلوبهم ، وفي الرقاب ، والغارمون ، وفي سبيل الله ، وابن السبيل .

*Yang makruf di kalangan ulama keseluruhannya, dan ini merupakan pandangan majoriti ulama, dan pendapat ini adalah seperti ijma dikalangan ulama masa silam, bahawa zakat tidak dibenarkan untuk digunakan bagi kegiatan mengimarahkan masjid, membeli kitab-kitab atau yang seumpama dengannya. Ia hanya boleh disalurkan untuk lapan golongan yang telah Allah sebutkan di surat At-Taubah, mereka adalah fakir, miskin, amil, muallaf, pembebasan hamba, orang yang berhutang, Fi Sabilillah dan Ibnu Sabil.*

Shaikh Ibnu Baz menjelaskan maksud *Fi Sabilillah* seperti berikut :

وفي سبيل الله تختص بالجهاد . هذا هو المعروف عند أهل العلم وليس من ذلك صرفه في ترميم المساجد ، ولا في ترميم المدارس ، ولا الطرق ولا نحو ذلك .

*Fi Sabilillah hanyalah khusus untuk jihad. Inilah yang difahami oleh para ulama dan Fi Sabilillah tidak termasuk untuk pembangunan masjid, sekolah, dan pembangunan jalan atau sepertinya. (Ibn Baz, A., 1992).*

Selain daripada pandangan ulama di atas, terdapat ulama yang memberikan tafsiran lain yang lebih luas ke atas makna “*Fi Sabilillah*” yang merangkumi setiap amal kebajikan yang dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT demi mencapai redhaNya. Ulama yang berpandangan seperti ini tidak mengkhususkan lafaz “*Fi Sabilillah*” kepada makna jihad semata-mata.

Walau bagaimanapun, Sheikh Rasyid Ridha membuat pengecualian dengan mengatakan bahawa zakat daripada kategori *Asnaf Fi Sabilillah* boleh diberikan kepada guru-

guru yang mengajar ilmu Syariah kerana ia di anggap sebagai amal kebaikan untuk mendapatkan redha Allah tetapi beliau meletakkan syarat perkara ini hanya dibolehkan selagi mana mereka tidak menerima pembiayaan daripada sumber yang lain.

Sheikh Mahmud Syaltut juga menyatakan keharusan bersyarat ke atas penggunaan zakat untuk membina masjid dengan mengatakan bahawa ianya adalah HARUS jika masjid yang ingin dibina itu adalah satu-satunya masjid yang terdapat di kampung tersebut atau terdapat masjid lain tetapi tidak mampu untuk menampung jemaah yang ramai dan memerlukan pembinaan masjid baru atau memperbaiki dan membesar masjid sedia ada.

## **PANDANGAN ULAMA KLASIK YANG MELUASKAN MAKSUD FI SABILILLAH**

### **Imam Qaffal**

Imam Qaffal mengambil pandangan dari sebahagian ulama' fiqh , yang dimaksudkan dengan *Fi Sabilillah* adalah mencakupi kepada semua bentuk kebaikan. Sebagaimana dijelaskan dalam kitab Tafsir *al-Munir* menurut sebahagian ulama' ahli Fiqh yang diambil oleh al-Qoffal bahwa sesungguhnya mereka itu dibenarkan mengagihkan zakat untuk semua bentuk kebaikan seperti untuk mengafan mayat, membangun benteng dan memakmurkan masjid, kerana firman Allah, *Fi Sabilillah* itu umum yang mencakupi semuanya.” (Az-Zuhaili, W., 2017).

### **Anas Bin Malik dan Hasan al-Basri**

Imam Ibnu Qudamah dalam Kitab *al-Mughni* menisbahkan pandangan Anas bin Malik dan Hasan Basri bahawa kedua-duanya berkata: “Zakat yang dikeluarkan untuk membina jambatan dan jalanraya itu adalah zakat yang dibolehkan dan diterima (Ibn Qudamah, 1997).

### **Ulama Ahli Hadis al-Qasimi**

Syeikh Jamaludin Qasimi menerangkan dalam tafsirnya bahawa apa yang dikemukakan oleh Imam ar-Razi bahawa zahir lafaz *Fi Sabilillah* tidak wajib dikhususkan kepada tentera yang berperang semata-mata. Beliau mengambil pandangan Imam Qaffal bahawa setiap jalan yang menuju redha Allah adalah jalan yang baik dan termasuk dalam kategori *Fi Sabilillah* (Ahmad, J., 1957).

### **Syeikh Rasyid Ridha**

Syeikh Rasyid Ridha pengarang Tafsir *al-Manar* mengemukakan pendapatnya dalam mentafsirkan ayat ini bahawa erti *Fi Sabilillah* adalah kemaslahatan umum umat Islam yang dengannya tertegak urusan agama dan pemerintahan dan bukan untuk kepentingan peribadi. Beliau juga membolehkan guru-guru yang mengajar ilmu Syariah menerima pembiayaan zakat dari kategori asnaf *Fi Sabilillah* selagi mana mereka tidak menerima pembiayaan dari sumber-sumber lain. Bagi kepentingan syiar ibadah Haji dan kepentingan umat Islam untuk melaksanakan ibadah tersebut, penggunaan zakat untuk membaiki jalan-jalan yang akan dilalui, memenuhi keperluan air dan mengurus kesihatan jemaah dibenarkan untuk diambil daripada bahagian *Fi Sabilillah* (Abduh,M., 1927).

### **Syeikh Mahmud Syaltut**

Syeikh Mahmud Syaltut mentafsirkan *Fi Sabilillah* sebagai *masalah* umum yang tidak dimiliki oleh mana-mana individu tetapi pemilikannya hanya untuk Allah dan manfaatnya

untuk makhluk Allah. Menurut Syeikh Mahmud Syaltut keperluan paling utama adalah untuk persiapan peperangan, memelihara kemuliaan, membina hospital untuk tentera dan orang awam dan membina jalan untuk tentera. Ia mencakupi persiapan pendakwah muda yang berusaha menyampaikan keindahan Islam dan mengajar hukum hakam Syariah sehingga mampu mengelakkan daripada tipu daya musuh Islam. Ia termasuklah tugas untuk memastikan para Huffaz dapat memelihara dan menjaga al-Quran yang menaqalkannya secara mutawatir sejak dari mula turunnya wahyu hingga ke hari ini malah hingga ke hari kiamat (Syeikh Syaltut, M., 1998). Syeikh Mahmud Syaltut pernah ditanya berkaitan penggunaan kutipan zakat untuk membina masjid dan beliau berpandangan bahawa jika masjid yang ingin dibina itu adalah satu-satunya masjid yang terdapat di kawasan tersebut atau terdapat masjid lain tetapi masjid tersebut tidak mampu untuk menampung jemaah yang ramai dan memerlukan pembinaan masjid baru atau memperbaiki / membesar masjid yang sedia ada, maka dibolehkan untuk menggunakan kutipan zakat untuk membina masjid baru atau memperbaiki / membesar masjid sedia ada kerana perkara tersebut menepati apa yang disebut dalam ayat 60 surah al-Taubah di bawah asnaf *Fi Sabilillah*. Ini adalah kerana maksud *Fi Sabilillah* dalam ayat tersebut ialah *al-masalih al-'ammah* (Al-Qaradhawi, Y., 2007).

### **Fatwa Syeikh MakhluF**

Syeikh Hasanain MakhluF bekas Mufti Mesir menyatakan dalam fatwanya bahawa *Fi Sabilillah* boleh digunakan untuk tujuan umum berdasarkan pandangan Imam ar-Razi dari Imam Qaffal dan yang lain (Sheikh al-MakhluF, H., 1950).

## **PANDANGAN ULAMA KONTEMPORARI YANG MELUASKAN MAKSUD FI SABILILLAH**

### **Yusuf al-Qaradawi**

Syeikh Dr. Yusuf Al-Qardhawi menyatakan bahawa jihad Islam itu tidak hanya terbatas pada jihad dengan kekuatan tentera sahaja tetapi lebih meluas pada bentuk-bentuk lain daripada jihad. Umat Islam di saat ini berkemungkinan mempunyai lebih banyak keperluan yang lain (Al-Qaradawi, Y., 2007). Menirikan pusat kegiatan bagi kepentingan dakwah ajaran Islam dan menyampaikan risalah Islam pada non-muslim di seluruh dunia yang terdiri daripada pelbagai agama dan aliran adalah termasuk jihad *Fi Sabilillah* (Al-Qaradawi, Y., 2007). Syeikh Dr. Yusuf Al-Qardhawi berpandangan bahawa peperangan *Fi Sabilillah* pada zaman mutakhir ini sukar dinilai dan kebanyakan peperangan pada zaman ini adalah bersifat keduniaan dan bukan lagi untuk mempertahankan kesucian Islam, kehormatan bangsa dan negara (Al-Qaradawi, Y., 2007).

## **ANALISA PANDANGAN FUQAHA'**

*Asnaf Fi Sabilillah* dari sudut istilah di kalangan *fuqaha'* dan *mufassirin* secara umumnya terbahagi kepada 2 kategori iaitu :

1. golongan yang melimitkan takrifan *Fi Sabilillah* hanya semata-mata jihad di jalan Allah.
2. golongan yang meluaskan konsep takrifan *Fi Sabilillah* dengan maksud segala amal kebaikan dalam usaha menegakkan syiar Islam dan membasmi kejahatan yang dapat memesongkan ummat daripada syariat Islam yang sebenar.

Golongan yang berpandangan bahawa maksud *Fi Sabilillah* adalah merujuk kepada jihad dan peperangan di jalan Allah s.w.t adalah terdiri daripada majoriti ulama-ulama daripada aliran Mazhab Hanafi, Maliki, Hambali, Shafi'i, Zahiri dan sebahagian besar daripada ulama' fiqh. Menurut Mazhab Syafie, Hanafi, Maliki dan Hambali, *Fi Sabilillah* bermaksud penyertaan dalam peperangan yang hanya semata-mata kerana Allah SWT untuk menegakkan syiar Islam, memusnahkan kejahatan dan berusaha untuk mengeluarkan manusia daripada kesesatan melalui penyembahan sesama mahluk sebagaimana yang dilaksanakan oleh Nabi SAW, para sahabat dan tabi'in. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

من قاتل لتكون كلمة الله هي العليا فهو في سبيل الله

“Barang siapa yang berperang, berjuang dan berjihad untuk memastikan kalimah Allah itu adalah yang tertinggi maka itulah yang dimaksudkan *Fi Sabilillah* (*muttafaq'allaahi*)”.

(*Riwayat Al-Bukhari (no. 7458) dan Muslim (no. 1904)*)

Secara ringkasnya ulama Mazhab Hanafi mendefinisikan *Fi Sabilillah* ialah zakat yang diberikan kepada tentera yang miskin yang berjuang di jalan Allah. Tentera yang kaya dan jemaah haji yang putus bekalan dalam perjalanan menunaikan haji adalah tidak layak menerima zakat dalam kategori *Fi Sabilillah*. Mazhab Hanafi juga meletakkan syarat seperti berikut:

- a) Terdapat unsur-unsur *faqir* kepada semua asnaf kecuali *Amil*.
- b) Berlakunya pemilikan harta kepada penerima zakat. Tidak dibenarkan untuk disalurkan untuk tujuan umum yang tidak melibatkan pemilikan harta seperti pembinaan masjid, jambatan, tali air dan sebagainya.

Ulama Mazhab Maliki mentafsirkan makna *Fi Sabilillah* sebagai agihan zakat kepada tentera bagi tujuan peperangan, jihad dan apa-apa sahaja yang berkaitan dengannya. Fokus pengagihan tidak hanya semata-mata kepada tentera sahaja tetapi boleh diperluaskan lagi dengan apa-apa persediaan bagi tujuan peperangan walaupun penerimanya adalah daripada golongan yang kaya. Jemaah haji yang putus bekalan dalam perjalanan menunaikan haji adalah tidak layak menerima zakat dalam kategori *Fi Sabilillah*. Bagi Mazhab Syafie, makna *Fi Sabilillah* adalah fokus kepada tentera yang menyertai jihad dan peperangan di jalan Allah termasuklah agihan kepada para tentera sukarela yang tidak menerima gaji daripada kerajaan walaupun mereka adalah terdiri daripada golongan yang kaya. Ulama Mazhab Hanbali juga memberi fokus takrifan *Fi Sabilillah* kepada maksud jihad dan peperangan. Tentera-tentera sukarela yang tidak menerima gaji ataupun yang menerima gaji yang tidak mencukupi bagi tujuan peperangan adalah layak untuk menerima zakat walaupun hakikatnya mereka berasal daripada keluarga yang kaya. Segala perkara yang berkaitan dengan jihad seperti penjaga benteng pertahanan, jururawat dan sebagainya layak untuk menerima zakat daripada kategori *Fi Sabilillah*. Keempat-empat mazhab telah bersetuju bahawa *Fi Sabilillah* bermaksud :

- a) Jihad dan peperangan hanya semata-mata kerana Allah SWT
- b) Agihan dana zakat kepada tentera-tentera yang terlibat dengan peperangan dan jihad di jalan Allah SWT.
- c) Agihan dana zakat bagi tujuan masalah umum seperti bagi tujuan pembinaan masjid, terusan, jalanraya, empangan dan lain-lain yang berkaitan adalah tidak dibenarkan.

Golongan yang meluaskan takrifan *Fi Sabilillah* yang tidak terhad kepada tujuan jihad semata-mata adalah terdiri daripada Imam Qaffal, Sheikh Rasyid Ridha, Syeikh Mahmud Syaltut, Syeikh Husain Mahluf dan beberapa ulama kontemporari lain. Ulama-ulama ini meluaskan takrifan *Fi Sabilillah* dengan hujah bahawa maksud asal daripada kalimah *Fi Sabilillah* adalah mencakupi semua jenis amalan kebaikan dan aktiviti yang bermanfaat untuk umat Islam. Oleh yang demikian penggunaan dana zakat dalam kategori *Fi Sabilillah* adalah dibenarkan bagi tujuan membiayai pembinaan masjid masjid, sekolah, jalan-jalan umum dan hospital dan lain-lain prasarana yang membawa kepada kemaslahatan umat Islam. Pandangan kedua ini boleh dibahagi kepada empat golongan seperti berikut:

- a) Golongan yang meluaskan maksud *Fi Sabilillah* dengan mentafsirkannya kepada segala bentuk aktiviti kebajikan dan kebaikan yang bertujuan mendekatkan diri kepada Allah (Imam Qaffal, Syeikh Jamaludin al-Qasimi).
- b) Golongan yang mentafsirkan maksud *Fi Sabilillah* sebagai perkara yang berkaitan dengan kepentingan umum / *masalahah*. (Syeikh Rasyid Ridha, Syeikh Mahmud Syaltut).
- c) Golongan yang mentafsirkan kepada pengertian peperangan, ibadah haji dan umrah. (fuqaha' seperti Al-Syaibani dan Ahmad bin Hanbal).
- d) Golongan yang berpendapat agihan *Fi Sabilillah* diharuskan untuk membiayai aktiviti pendidikan. (segelintir ulama mazhab Hanafiyah).

Syeikh Dr. Yusuf Al-Qardhawi menggunakan terma *Fi Sabilillah* dengan pengertian jihad, tetapi meluaskan konsep jihad yang lebih umum iaitu jihad dalam bidang agama, pendidikan, hukum, ekonomi, budaya, politik dan lain-lain bertujuan untuk memelihara agama dan meninggikan syiar Islam dan kalimah Allah s.w.t .

## KESIMPULAN ANALISA

Melalui penelitian yang dilaksanakan, hujah-hujah yang digunakan oleh majoriti fuqaha yang menghadkan maksud *Fi Sabilillah* kepada jihad di jalan Allah adalah lebih kukuh dan konkrit berbanding golongan yang memperluaskan maksud *Fi Sabilillah* kepada perkara-perkara berbentuk masalah berasaskan kepada justifikasi berikut :

- a) Kalimah *Fi Sabillah* yang bersifat umum dalam ayat 60, *Surah At-Taubah* telah dikhususkan melalui kaedah *takhsis al-am* pada hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Daud, Ibnu Majah dan Hakim seperti berikut :

لَا تَجِلُّ الصَّدَقَةُ لِغَنِيِّ إِلَّا لِخَمْسَةِ: لِعَازٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، أَوْ لِعَامِلٍ عَلَيْهَا، أَوْ لِغَارِمٍ، أَوْ لِرَجُلٍ اشْتَرَاهَا بِمَالِهِ، أَوْ لِرَجُلٍ كَانَ لَهُ جَارٌ مِسْكِينٌ فَتَصَدَّقَ عَلَى الْمِسْكِينِ فَأَهْدَاهَا الْمِسْكِينُ لِلْغَنِيِّ

*Zakat itu tidak halal untuk orang kaya kecuali lima golongan iaitu (1) orang yang berperang di jalan Allâh; (2) amil zakat ; (3) orang yang berhutang dan (5) orang miskin yang menerima zakat daripada seorang kaya dan kemudiannya menghadiahkannya kembali kepada orang kaya itu” (Sabiq, S., 2008).*

- b) Pengkhususan kalimah *Fi Sabilillah* melalui hadis di atas jelas menunjukkan bahawa kategori asnaf *Fi Sabillah* sememangnya hanya dikhususnya untuk tujuan jihad kerana walaupun tentera yang terlibat dalam peperangan tersebut adalah terdiri daripada golongan kaya, mereka tetap berhak untuk menerima zakat

berdasarkan hadis di atas. Ia sekaligus menimbulkan kekeliruan golongan yang memperluaskan takrifan *Fi Sabilillah* untuk tujuan lain seperti untuk pembinaan masjid / surau, sumbangan van jenazah, van pengangkutan, penajaan program-program yang tidak langsung berkaitan dengan maksud jihad yang sebenar.

- c) Pandangan daripada Rasyid Ridha yang mengharuskan pemberian zakat *Fi Sabilillah* kepada guru-guru yang mengajar ilmu Syariah tetapi dengan syarat tidak ada pembiayaan daripada sumber lain. Ini bermakna, tidak semudah-mudahnya zakat di dalam erti kata *Fi Sabilillah* diagihkan untuk manfaat umum melainkan memenuhi syarat-syarat tertentu.
- d) Terdapat Ulama' yang membenarkan penggunaan dana zakat *Asnaf Fi Sabilillah* bagi tujuan pembangunan masjid meletakkan syarat bahawa zakat dibenarkan hanya untuk pembinaan masjid baru yang tidak akan memjejaskan kehadiran jemaah di masjid sedia ada. Justeru agihan dana zakat bagi tujuan pembangunan masjid diharuskan dikategorikan mengikut status pembangunan masjid tersebut samaada berstatus *Dharuriyyat, Hajiiyyat* atau *Tahsiniyyat*.

### **TAKRIFAN ASNAF FI SABILILLAH OLEH SEBAHAGIAN NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA**

Institusi Zakat di Malaysia mempunyai pendapat dan pandangan yang tersendiri dalam menetapkan definisi *Fi Sabilillah*. Takrifan kategori *Asnaf Fi Sabilillah* oleh sebahagian Negeri-Negeri di Malaysia adalah seperti berikut:

Jadual 1: Takrifan Kategori Asnaf Fi Sabilillah

Bil.	Majlis Agama/ Negeri	Definisi
1.	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.</li> </ul>
2.	Majlis Agama Islam Johor (MAIJ)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mereka yang berjuang, berusaha, mempertahankan dan meningkatkan penghayatan dan syiar Islam.</li> </ul>
3.	Pusat Zakat Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seorang yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti, atau aktiviti-aktiviti untuk menegak mempertahankan dan menyebarkan agama Islam serta kebajikannya. (Enakmen Zakat dan Fitrah Negeri Sabah Tahun 1993)</li> </ul>
4.	Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti-aktiviti atau perjuangan di jalan Allah SWT seperti menegakkan syiar Islam, menuntut ilmu dan seumpamanya.</li> </ul>
5.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Allah.</li> </ul>

6.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwah Agama Islam serta kebajikannya.</li> </ul>
7.	Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.</li> </ul>
8.	Majlis/ Jabatan Agama Islam Selangor Daruk Ehsan (Lembaga Zakat Selangor)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiap-tiap perbuatan / perkara yang menjurus kepada keperluan dan masalah untuk menegakkan syiar Islam.</li> </ul>
9.	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha yang dilaksanakan yang tidak melanggar syariat Islam</li> <li>• Usaha yang dilaksanakan yang memberi manfaat kepada Islam</li> <li>• Usaha yang dilaksanakan yang memenuhi pengertian jihad fi sabilillah</li> <li>• Usaha yang dilaksanakan yang menuju ke arah amal maaruf dan nahi mungkar</li> <li>• Usaha yang dilaksanakan yang dapat meningkatkan imej dan syiar serta menjaga maruah Islam mengikut keutamaan</li> <li>• Usaha yang dilaksanakan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang mampu mengukuhkan aqidah orang-orang Islam</li> <li>• Usaha yang digerakkan ke arah penyampaian dakwah kepada umat Islam dan bukan Islam</li> <li>• Usaha membasmi kejahilan dan meningkatkan taraf keintelektualan umat Islam.</li> </ul>

## KESESUAIAN SUMBER DANA BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN DAN PEMBINAAN MASJID

Sirah Nabawiyah mencatatkan bahawa institusi masjid pada zaman Nabi Muhammad SAW tidak hanya terhad kepada aktiviti keagamaan sahaja, tetapi masjid pada ketika itu berperanan sebagai pusat pentadbiran, kehakiman dan perundangan, pusat pendidikan dan penyebaran agama Islam dan sebagainya. Walaupun institusi masjid di era moden ini tidak lagi berfungsi seperti itu, masjid tetap merupakan tempat beribadah dan pusat penyebaran dakwah serta tarbiyah yang menjadi lambang keutuhan dan syiar Islam di Malaysia. Peranan masjid sebagai pusat keagamaan jelas ditegaskan melalui firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 36-37:

فِي بُيُوتِ الَّذِينَ أُذِنَ لَّهُمْ أَنْ تُرْفَعَ وَيُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ يُسَبِّحُ لَهُ فِيهَا بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ (٣٦)  
رَجَالٌ لَا تُلْوِيهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَن ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ  
وَالْأَبْصَارُ (٣٧)

*Mafhumnya: Bertasbih kepada Allah di masjid-masjid yang telah diperintahkan untuk dimuliakan dan disebut nama-Nya di dalamnya, pada waktu pagi dan waktu petang, (Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta memperingati Allah s.w.t dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, mereka takutkan hari (Kiamat) yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.*

Institusi masjid di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Manakala pengurusan kewangan masjid diuruskan oleh ahli jawatankuasa masjid di bawah seliaan MAIN. Pentadbiran masjid pada hari ini dilihat semakin tersusun dan terdapat masjid-masjid yang mempunyai sumber ekonomi yang kukuh yang dijana oleh hasil aset wakaf seperti tanah, bangunan dan peralatan yang disewakan selain sumbangan, derma, wakaf serta infaq daripada individu dan syarikat-syarikat korporat dan tabung Jumaat. Dana atau Wang Masjid / Surau merupakan wang yang terkumpul hasil dari pelbagai sumber seperti derma individu atau organisasi ke dalam akaun bank atas nama masjid / surau atau derma yang dimasukkan ke dalam tabung yang disediakan di masjid / surau, tabung Jumaat, wakaf tunai, pungutan derma sempena hari raya, tabung bergerak, sumbangan kerajaan, hasil sewaan dan sebagainya yang dimasukkan ke dalam akaun masjid / surau. Berdasarkan kepada praktis semasa di Malaysia sumber-sumber dana masjid adalah diperolehi daripada sumber-sumber berikut:

- a) Sumbangan Wakaf secara tunai yang dimasukkan ke dalam akaun bank atau tabung wakaf masjid yang akan dimanfaatkan untuk kebajikan dan kepentingan masjid tersebut.
- b) Derma khairat atau kebajikan iaitu derma orang ramai ke dalam akaun bank masjid atau tabung yang disediakan oleh pihak masjid untuk kegunaan umum meliputi pelbagai aktiviti pengimarahannya seperti bayaran penceramah, guru agama, majlis tadarus, bayaran pengurusan masjid dan sebagainya.
- c) Derma aktiviti khusus iaitu derma orang ramai ke dalam akaun bank atau tabung masjid yang diwujudkan secara khusus untuk membiayai aktiviti tertentu seperti pungutan derma untuk majlis sambutan Maulidurrasul, Ihya' Ramadhan dan sebagainya.
- d) Sumbangan kerajaan iaitu sumbangan kewangan oleh pihak kerajaan yang dimasukkan ke dalam akaun masjid / surau tertentu.
- e) Sumber-sumber lain iaitu wang masjid/surau yang terkumpul hasil daripada aktiviti jualan, kutipan sewa, keuntungan pelaburan dan sebagainya yang diusahakan oleh pihak masjid/surau.

Perbelanjaan tahunan institusi masjid / surau kebiasaannya adalah meliputi penyelenggaraan masjid / surau, pembayaran upah kepada bilal dan siak, perbelanjaan aktiviti keagamaan dan kerohanian serta menampung bayaran kos utiliti. Hakikatnya institusi masjid mempunyai sumber kewangan yang mencukupi yang datangnya daripada pelbagai sumber seperti yang dinyatakan di atas.

## **CADANGAN**

Dicadangkan untuk melaksanakan proses penilaian berdasarkan *rating* bagi permohonan yang diterima bagi tujuan pembangunan masjid dengan *rating* khas berdasarkan *Maqasid Syariah* seperti contoh berikut :

Jadual 2: Proses Penilaian berdasarkan *Rating*

No.	Pemohonan	Tujuan	<i>Rating</i>
1.	Masjid A	Pembangunan masjid baru yang tidak mampu menampung jemaah di masjid sedia ada.	<i>Dharuriyyat</i>
2.	Masjid B	Membaik pulih ruang solat	<i>Hajiyyat</i>
3.	Masjid C	Barangan keperluan masjid (aircond /sejadah)	<i>Tahsiniyyat</i>
4.	Masjid D	Bayaran kepada penceramah yang menyampaikan ilmu kepada masyarakat umum.	<i>Hajiyyat</i>
5.	Masjid E	Menyelenggara kebocoran siling	<i>Dharuriyyat</i>

Memberi fokus kelulusan dana zakat bagi tujuan pembangunan masjid / surau hanya kepada permohonan yang bersifat *Dharuriyyat* dan *Hajiyyat* sahaja dengan syarat asnaf fakir dan miskin kesemuanya telah didahulukan dan diberi keutamaan. Menilai keutamaan pemberian zakat yang lebih besar ke atas golongan *Gharimin* (berhutang) memandangkan kos sara hidup di Malaysia semakin meningkat dan bebanan hutang menyebabkan tekanan hidup di dalam keluarga seterusnya membawa kepada perkara-perkara yang tidak diinginkan berlaku. Mewujudkan Dana Wakaf Masjid / Surau bagi tujuan pembinaan, pembangunan dan penyelenggaraan masjid bagi membuka ruang dan peluang kepada masyarakat Islam memilih instrumen terbaik bagi melaksanakan amal kebajikan secara tersusun dan terancang seperti yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) yang ditubuhkan pada tahun 2011. Perbadanan Wakaf Selangor mewujudkan dana wakaf khas bagi tujuan pembangunan dan pembinaan masjid dan surau yang tidak termasuk di dalam Rancangan Malaysia (RMK). Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menetapkan bahawa sebarang bentuk pembangunan aset kekal di Negeri Selangor yang tidak termasuk di dalam peruntukan RMK perlu menggunakan dana wakaf khas. Dana tersebut juga boleh digunakan bagi pembinaan surau sekolah dan pembangunan sekolah-sekolah swasta. Menawarkan dan mewujudkan Akaun Pelaburan Khas kepada institusi Masjid bagi tujuan menghasilkan keuntungan melalui pelaburan patuh Syariah untuk menjana pendapatan melalui pelaburan berisiko rendah. Ia sekaligus membuka peluang kepada Bank untuk mempromosikan produk deposit berjangka kepada pihak masjid. Memberi khidmat nasihat kepada institusi masjid untuk menjana pendapatan sendiri melalui sistem koperasi yang dilihat berpotensi mampu menjana pendapatan sekaligus membuka ruang pekerjaan kepada masyarakat setempat tanpa mengharap derma dan bantuan zakat semata-mata. Mendorong institusi masjid untuk kembali memperluaskan peranannya bukan hanya sebagai pusat ibadah semata-mata tetapi mampu menjadi pusat pembangunan ekonomi dan muamalat umat Islam di Malaysia.

## KESIMPULAN

Dengan adanya saringan dari sudut maqasid Syariah ke atas pemberian zakat untuk sebarang tujuan berkaitan masjid, diharapkan agar kebanyakan dana zakat tidak disalurkan sebahagiannya untuk pembangunan masjid sahaja tetapi dapat diagihkan dengan lebih baik bagi memenuhi keperluan ummah sejagat. Jika dilihat kepada data bilangan keluarga miskin dan miskin tegar, di Malaysia, masih banyak lagi golongan yang perlu dibantu menggunakan dana zakat. Justeru, aulawiyat atau keutamaan ke atas asnaf zakat perlu dilihat dan dikaji semula supaya keadilan sejagat dapat dicapai melalui institusi pengagihan zakat.

## RUJUKAN

- Abduh, M. (1927). *Tafsir al-Manar Jilid 1*. Kairo: Dar al-Manar
- Abidin, I. (2003). *Radd al-Muhtar ala al-Dur al-Mukhtar, Jilid 2*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Ahmad, J. (1957). *Mahasin at-Takwil Jilid 7*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Ahmad, S. (2003). *Nihayatul Muhtaj 6/155-156*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Jauziyyah, I., & 'Abd 'Aziz, M. (1977). *I'lam al-Muwaqqi'in 'An Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-khin, M., Al-Bugho, M. & Asy-Syahaji A. (2008). *Fiqh Manhaji Jilid 1*. Malaysia: Pustaka Salam
- Al-Nawawi, 1/249. (2008). *Al-Majmuk*. Jeddah: Maktabah al-Irsyad
- Al-Qaradhawi, Y. (2007) *Fiqh al-Zakat*. Beirut :Dar al-Irsa.
- Al-Qaradawi, Y. (2007) *Hukum Zakat*. Beirut: Dar al-Irsa.
- Al-Shatibi, & Ishak, A. (2005). *Al-Muafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Thahawi. (2003) *Ahkam al-Quran Jilid 2*. Turki: Pusat Penyelidikan Islam (ISAM)
- Anas, M. (1994). *Mudawwanah Jilid*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Zarqa', & Ahmad, M. (1989). *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Qalam
- Az-Zuhaili, W., (2011). *Fiqh Islami Wa Adillatuhu Jilid 3*. Indonesia: Gema Insani.
- Az-Zuhaili, W. (2017). *Tafsir al-Munir juz 1*. Indonesia: Gema Insani
- Hj. Mohd Salleh, S. (2007). *Manual Pengurusan Agihan Zakat" (Manual, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji) Cet.1*, Malaysia: JAWHAR.
- Ibn Ali, S. (1983). *Tuhfatul Muhtaj Bisharhil Minhaj*. Kairo: Maktabah At-Tijariah Al-Kubro
- Ibn Baz, A. (1992). *Majmu' Fatawa wa Maqolat Mutanawwi'ah*. Riyadh: Al-Ri'asat al-Ammah li Idarat al Buhuth al-'Ilmiyah
- Ibn Qudamah. (1997). *Mughni Jilid 2*. Riyadh: Dar Alamul Kutub
- Mustaffa, I., Abd. KAdir, H., Az-ziyyat, A. & An-Najjar, M. (2011) *Mu'jam Wasith*. Mesir: Maktabah Shurouq ad- Dauliyyah.
- Sabiq, S. (2008). *Fiqh Sunnah* Kaherah :Dar Fath Lil `alami al-`Arabiy
- Shaghir, S. & Shawi, H. (2011). *Fatawa al-Qaffal*. Saudi: Dar Ibn Qayyim
- Sheikh al-Makhluf, H. (1950). *Fatwa Syariah Jilid 2*. Mesir: Dar al-Ifa
- Syeikh Syaltut, M. (1998). *Aqidatan wa Syari'atan*. Kaherah: Dar al-Syurook